

Najib: Jambatan lambang keakraban dua negara

Kalau Singapura boleh bertolak ansur atas semangat kejiranan, itulah jalan terbaik untuk dua negara jiran dan jambatan ini akan menjadi lambang hubungan berjiran kedua-dua negara

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan Perdana Menteri

Oleh LUKMAN ISMAIL, MOHD. FAIRUZ YUSOF dan ROHANI IBRAHIM

JOHOR BAHRU 17 Mac - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak mahukan Singapura menjadikan pembinaan jambatan indah yang akan menggantikan Tambak Johor sebagai lambang hubungan dua negara yang erat.

Justeru, tegas beliau, sudah tiba masanya negara jiran itu bermuafakat dengan Malaysia atas dasar semangat kejiranan dan bukannya lebih mementingkan mana-mana pihak atau individu.

"Kalau Singapura boleh bertolak ansur atas semangat kejiranan, itulah jalan terbaik untuk dua negara jiran dan jambatan ini akan menjadi lambang hubungan berjiran kedua-dua negara.

"Kita (Malaysia) tetap meneruskan pembinaan jambatan tersebut tanpa perlu ada sekat daripada mana-mana pihak kerana ia merupakan hak Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat sempena lawatan beliau ke projek Gerbang Selatan Bersepadu (GSB) yang dimajukan oleh Gerbang Perdana Sdn. Bhd (GPSB) di sini hari ini.

Turut hadir Speaker Dewan Undangan Negeri Johor, Datuk Mohd. Ali Hassan yang mewakili Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Pengerusi GPSB, Tan Sri Razali Ismail; Pengarah Urusan GPSB Datuk Yahya A. Jalil; Ahli Parlimen Johor Bahru, Datuk Shahrir Samad dan barisan Exco kerajaan negeri.

Idea pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor dicetuskan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 5 Julai 1996 tetapi ia kemudiannya mendapat bantahan berterusan oleh Singapura.

Walaupun upacara pecah tanah projek itu telah diadakan pada 14 Februari 2004, tetapi projek pembinaannya kemudiannya dihentikan sementara bagi membolehkan kedua-dua negara mengadakan perbincangan.

Bagaimanapun, pada 10 Februari lalu Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan pendirian Malaysia untuk meneruskan pembinaan jambatan itu sama ada dengan persetujuan Singapura atau tidak.

Menurut Najib, pembinaan jambatan indah itu adalah hak Malaysia kerana ia dibangunkan di kawasan negara ini dan tiada siapa yang boleh menafikan hak Malaysia

UM - 18/3/2006



NAJIB Tun Razak mendengar taklimat Pengurus Besar Pembinaan, Mejar Ir. Ng Ah Kow ketika lawatan beliau di sekitar pembinaan projek Gerbang Selatan Bersepadu di Johor Bahru, semalam.

sebagai sebuah negara yang berdaulat.

"Bersesuaian dengan hakikat tersebut, maka kerajaan memutuskan untuk menyambut dan meneruskan semula pembinaan jambatan baru yang tertangguh selama dua tahun kerana proses perbincangan," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pembinaan jambatan indah itu bukan sahaja amat penting bagi pembangunan ekonomi negeri Johor khususnya dan negara amnya, tetapi ia bakal mengubah wajah Selat Tebrau

dan kawasan sekitarnya.

Pembinaan jambatan baru itu juga bakal mengubah wajah Selat Tebrau daripada kawasan yang comot dan kotor menjadi lebih indah dan bakal menjadi tarikan pelancong di pintu masuk selatan negara.

"Dengan adanya jambatan baru, Selat Tebrau akan menjadi pusat pelancongan utama. Perairan hodoh dan comot (sekarang) akan menjadi terindah. Inilah imej yang nak dijuangkan oleh kita," katanya.